

20 OCT 2002

Mahathir-Dunia/I

DR MAHATHIR MAHU RAPATKAN JURANG BARAT DAN DUNIA ISLAM

Oleh: Zulkefli Salleh

JEDDAH, 20 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau bersedia untuk terus memainkan peranan dalam mewujudkan persefahaman dan mengurangkan tekanan antara dunia Islam dan Barat selepas persaraannya pada Oktober tahun depan.

"Saya bersedia memainkan peranan itu tetapi bukan sebagai Perdana Menteri," katanya kepada wartawan Malaysia di sini, hari ini.

Ditanya atas kapasiti apa beliau bersedia memainkan peranan itu, Dr Mahathir berkara perkara itu mungkin boleh difikirkan kemudian tetapi beliau sekali lagi menegaskan ia bukan atas kapasiti sebagai Perdana Menteri.

Dr Mahathir diminta mengulas lanjut jawapannya kepada satu soalan pada sidang berita yang diadakan sebelum itu, sama ada beliau akan terus bersuara bagi pihak masyarakat Islam dunia kerana kepimpinannya masih diperlukan terutamanya selepas peristiwa 11 Sept yang menjurangkan Barat dan Dunia Islam serta menyebabkan ketegangan antara kedua-dua pihak.

Menjawab soalan pada sidang berita yang sesak dengan wartawan Arab dan asing itu, Dr Mahathir tidak berkata sama ada beliau bersedia untuk terus memainkan peranan itu tetapi berkata: "Saya tidak fikir saya dapat melakukannya sendirian."

Dr Mahathir, yang akan mempengerusikan Pertubuhan Persidangan Islam pada Oktober tahun depan, menegaskan bahawa Amerika Syarikat dan dunia Islam perlu duduk berbincang dan memikirkan mengapa orang memilih melakukan perbuatan ganas.

Sambil menyatakan maklum balas daripada kedua-dua pihak berhubung isu itu, setakat ini, tidak begitu rasional, Dr Mahathir mengulangi bahawa keganasan tidak dapat dihapuskan dengan menyerang sebuah negara dan memacakkan halangan serta mengambil langkah keselamatan.

"Kedua-dua pihak marah. Rakyat Amerika marah kerana buat pertama kalinya negara mereka diserang. Masyarakat Islam marah kerana mereka dituduh melakukan keganasan seolah-olah setiap orang daripada mereka bersalah," kata beliau.

Perdana Menteri, yang menamatkan lawatan dua harinya ke Arab Saudi hari ini, berkata beliau telah mengadakan perbincangan dua hala dengan para pemimpin Arab Saudi dan membincangkan isu Iraq dan masalah dunia Islam serta bagaimana mereka harus mengambil pendirian bersama mengenai isu-isu itu.

Dr Mahathir menghadap Raja Fahd semalam dan mengadakan perbincangan dua hala dengan rakan sejawatannya Putera Mahkota Abdullah Abdul Aziz serta membuat kunjungan hormat ke atas Timbalan Perdana Menteri Putera Sultan di Riyadh.

Dr Mahathir berkata beliau juga membincangkan isu-isu dua hala terutamanya mengenai kerjasama ekonomi.

Awal hari ini, Dr Mahathir mengadakan sesi dialog dengan ahli-ahli perniagaan Arab Saudi yang dianjurkan oleh Dewan Perdagangan dan Industri Jeddah (JCCI).

Pada dialog itu, yang mendapat sambutan hangat, Dr Mahathir berkongsi pengalaman Malaysia dalam membangunkan ekonominya dan menjawab kira-kira 10 soalan daripada hadirin. Ia adalah sesi persediaan bagi Forum Ekonomi Jeddah yang akan diadakan pada Januari.

Dr Mahathir juga menyampaikan ucapan pada seminar mengenai Wawasan dan Cabaran Ekonomi Arab Saudi anjuran Dewan Perdagangan dan Industri Arab

Saudi di Riyadh semalam.

Putera Sultan turut meraikan Dr Mahathir dalam satu jamuan malam tadi di istana barunya yang dibina mengikut istana lama beliau, serta menghadiahkan seekor kuda Arab kepada Perdana Menteri.

Dr Mahathir dijadualkan pulang esok selepas melakukan lawatan ke tiga negara - India, Pakistan dan Arab Saudi - mulai 16 Okt lepas.

-- BERNAMA

ZS AFY NAK